


Pelajar UMP menang anugerah terbaik 3MT



Australia, 29 September- Pelajar ijazah kedoktoran (PhD) dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), Ashwin Charles Benedict mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan juara dengan memenangi Pertandingan Asia-Pacific 3 Minute Thesis Competition dengan menewaskan 55 peserta lain dari seluruh Australia, New Zealand dan Asia.

Lebih menarik Ashwin turut meraih anugerah People's Choice Award apabila meraih undian tertinggi di pentas akhir pertandingan yang berlangsung di University of Queensland hari ini.

Tesis Tiga minit (3MT) adalah satu pertandingan komunikasi penyelidikan yang dibangunkan oleh University of Queensland. Pertandingan ini membangunkan akademik, persembahan, dan kemahiran komunikasi penyelidikan dan menyokong pembangunan kapasiti pelajar dengan berkesan untuk menerangkan penyelidikan mereka dalam bahasa yang sesuai.

Menurut Ashwin Charles,32 yang berasal dari Petaling Jaya ini berkata, beliau tidak menyangka tajuk tesinya "Catalyzing Change: Light at the end of the Tunnel" berjaya menarik perhatian juri sehingga meraih kemenangan dengan membawa pulang geran bernilai 5000 AUD dan 1000 AUD sebagai geran penyelidikan.



"Sokongan daripada Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) iaitu Dato' Dr. Hasnah Haron serta sesi latihan bersama jurulatih berpengalaman yang dilantik iaitu Dr Chiam Kee Swan dan Normala Samsudin, yang merupakan pensyarah dari Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) banyak membantu dalam memastikan hasil penyelidikan dapat dibentangkan dalam tiga minit," katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr Daing Nasir Ibrahim melahirkan rasa bangga dengan pencapaian ini. Katanya, kemenangan ini diharap akan menyuntik semangat pelajar lain untuk menyertai program ini serta dapat berkongsi penyelidikan dengan khayalak ramai dan penemuan mereka boleh dibentangkan dengan cara ringkas, padat dan mudah difahami.

Turut mengiringi Ashwin Charles Benedict adalah Natalie Vanessa Boyou daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang mewakili Malaysia ke peringkat akhir di Brisbane Australia.

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 30-09-2017, 08:48:13